

KONSTRUKSI PENAIKAN DAN KAWALAN DALAM BAHASA MELAYU

Kartini Abd. Wahab dan Hiroki Nomoto

Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Bahasa Asing Tokyo

1. Pendahuluan

Dalam bahasa Inggeris terdapat jenis konstruksi seperti dalam contoh (1), manakala dalam bahasa Melayu pula terdapat konstruksi seperti dalam contoh (2).

- (1) a. Barnett seemed to understand the formula.
'Barnett kelihatan memahami formula itu.'
b. Barnett tried to understand the formula.
'Barnett cuba untuk memahami formula itu.'

(Davies dan Dubinsky 2004: 3)

- (2) a. Aminah kelihatan menyukai bola sepak.
b. Aminah (men-)cuba menyukai bola sepak.¹

Setiap pasangan ayat dalam contoh (1) dan (2) pada lahirnya kelihatan sama. Kata kerja utama/matrik, iaitu kata kerja *seem* dan *try* diikuti dengan klausa tak finit yang mengandungi kata *to* (dalam contoh bahasa Inggeris), manakala kata kerja utama *kelihatan* dan *(men-)cuba* diikuti oleh konstituen yang kelihatan seperti frasa kerja (dalam contoh bahasa Melayu). Namun demikian, dalam analisis kerangka generatif, pasangan aya (a) dan (b) dalam contoh (1) dan (2) tersebut dianalisis sebagai konstruksi yang berlainan. Ayat dalam (1a) dan (2a) dikenali sebagai konstruksi penaikan (*raising*), manakala ayat dalam contoh (1b) dan (2b) pula dikenali sebagai konstruksi kawalan (*control*). Perbezaan ini berpunca daripada kata kerja yang terdapat dalam ayat-ayat tersebut. Kata kerja seperti *seem* dan *kelihatan* merupakan kata kerja penaikan, manakala kata kerja *try* dan *(men-)cuba* pula merupakan kata kerja kawalan.²

Sehubungan dengan itu, makalah ini bertujuan untuk memperkenalkan konstruksi penaikan dan kawalan. Tiga persoalan utama yang ingin diteliti dalam perbincangan ini iaitu: (i) Apakah konstruksi penaikan dan kawalan? (ii) Bagaimanakah kedua-dua konstruksi ini boleh dibezakan? (iii) Bagaimanakah kewujudan kedua-dua konstruksi ini dalam konteks ayat bahasa Melayu? Perbincangan ini menjelaskan bahawa konstruksi penaikan dan kawalan merupakan dua konstruksi yang berbeza dari segi struktur mahupun

¹ Terdapat perbezaan antara bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dari segi kata kerja 'cuba'. Dalam bahasa Inggeris, kata kerja *try* dikemukakan dengan satu variasi sahaja. Sebaliknya dalam bahasa Melayu, kata kerja *cuba* dapat muncul dalam bentuk tunggal iaitu *cuba* atau muncul bersama morfem *meN-* iaitu *mencuba*. Lazimnya, variasi *mencuba* diikuti oleh FD (frasa penentu) seperti dalam contoh (i) di bawah. Walau bagaimanapun, bukanlah bermaksud bahawa contoh (2b) tersebut tidak gramatis apabila *mencuba* diikuti oleh kata kerja berawalan *meN-*.

- (i) a. Para pengunjung boleh mencuba [_{FD} makanan Jepun] di restoran baru itu.
b. Aminah mencuba [_{FD} baju baru yang dibeli oleh ibunya].

² Sebenarnya, kata kerja *cuba* juga memperlihatkan ciri-ciri penaikan apabila ia tidak berawalan *meN-*. Dengan kata lain, kehadiran awalan *meN-* mengekang jenis konstruksi yang dibenarkan bagi sesuatu kata kerja. Hal ini akan dibincangkan lanjut dalam bahagian 5.

mekanisme sintaksisnya. Perbezaan antara kedua-dua konstruksi ini dapat dilihat dengan jelas menerusi beberapa perilaku sintaksis dan semantik masing-masing. Seterusnya makalah ini menjelaskan kewujudan konstruksi penaikan dan kawalan dalam konteks ayat bahasa Melayu.

Perbincangan dalam bab ini diorganisasikan kepada beberapa bahagian. Dalam bahagian 2 akan diperkenalkan analisis konstruksi penaikan dan kawalan dari segi struktur dan mekanismenya. Seterusnya dalam bahagian 3 akan dijelaskan perilaku sintaksis dan semantik kedua-dua konstruksi ini yang merupakan justifikasi empiris bagi analisis yang dikemukakan dalam bahagian 2. Berlandaskan perbincangan dalam bahagian 3, maka bahagian 4 perbincangan ini akan cuba menunjukkan beberapa jenis ayat bahasa Melayu yang tergolong sebagai konstruksi penaikan dan kawalan. Dalam bahagian 5 pula akan dibincangkan fenomena kawalan lucu (*funny control*) dalam bahasa Melayu. Akhir sekali bahagian 6 adalah kesimpulan perbincangan ini.

2. Analisis Sintaksis Konstruksi Penaikan dan Kawalan

Tujuan bahagian 2 ini adalah untuk mengemukakan dua analisis yang berlainan bagi ayat-ayat yang kelihatan serupa, iaitu analisis penaikan dan kawalan. Ciri-ciri sintaksis dan semantik yang menjustifikasikan dua analisis yang berlainan ini pula akan ditunjukkan secara khusus dalam bahagian 3 seterusnya. Perbincangan dalam bahagian 2 dan 3 adalah berdasarkan contoh-contoh bahasa Inggeris. Hal ini kerana analisis terdahulu mengenai penaikan dan kawalan telah banyak dikaji dalam bahasa Inggeris (cth. Chomsky 1986; Hornstein 1999, 2001, 2003; Davies dan Dubinsky 2003, 2004). Dalam bahagian 4 nanti barulah contoh-contoh dalam bahasa Melayu akan dikemukakan.

Contoh ayat dalam (1) dikemukakan semula sebagai contoh (3) dan (4) seperti di bawah.

(3) Konstruksi Penaikan
Barnett seemed [to understand the formula].

(4) Konstruksi Kawalan
Barnett tried [to understand the formula].

Pada lahirnya, kedua-dua ayat tersebut kelihatan seakan-akan sama, iaitu klausa matrik atau klausa utamanya mempunyai klausa pancangan tak finit yang ditandai pemarkah tak finit *to* sebagai komplemen masing-masing, iaitu klausa dalam kurungan []. Walau bagaimanapun, kedua-dua ayat tersebut dianalisis sebagai dua konstruksi yang berlainan. Perbezaan yang wujud di antara kedua-dua konstruksi ini adalah berkaitan dengan posisi asal bagi subjek matrik, iaitu FD (frasa “determiner”) *Barnett*. Dalam ayat penaikan, subjek matrik dijanadasar (*base-generated*) sebagai subjek klausa pancangan, manakala dalam ayat kawalan pula subjek matrik dijanadasar sebagai subjek klausa matrik, iaitu di posisi di mana ia dilafazkan.

Konstruksi penaikan melibatkan penaikan subjek dari posisi asalnya dalam klausa pancangan ke posisi subjek dalam klausa matrik yang lebih atas, seperti yang ditunjukkan dalam (5) yang berikut.

(5) Struktur Konstruksi Penaikan (Subjek ke Subjek)
Barnett_i seemed [t_i to understand the formula].
↑

Posisi asal bagi FD *Barnett* ialah posisi yang ditandakan dengan unsur *t* (tikas) iaitu bekas yang ditinggalkan oleh FD *Barneet* dalam klausa pancangan, manakala indeks *i* pula menunjukkan rujukan yang sama. Bagi konstruksi kawalan pula, posisi subjek klausa pancangannya dianalisis sebagai mengandungi kategori kosong (*empty category*), iaitu unsur nominal yang tidak mempunyai realisasi fonetik yang nyata. Jenis kategori kosong yang terlibat dalam konstruksi kawalan dikenali sebagai PRO. PRO atau dikenali juga sebagai “PRO besar” diandaikan berada di posisi subjek dalam suatu klausa tak finit. Justeru, ayat dalam contoh (4) tersebut mempunyai struktur seperti yang ditunjukkan dalam (6) di bawah.

- (6) Struktur Konstruksi Kawalan (Subjek)
 Barnett_i tried [PRO_i to understand the formula].

Dalam struktur (6) di atas, PRO yang menjadi subjek klausa pancangan merujuk kepada individu sama yang dirujuk oleh FD *Barnet*, seperti yang dilihat menerusi indeks *i*. Apabila rujukan PRO ditentukan oleh suatu FD dalam ayat yang sama seperti ini, FD *Barnett* dikatakan mengawal PRO.³

Sama ada suatu ayat yang berpola “FD KK to FK” pada lahirnya mempunyai struktur penaikan atau struktur kawalan, ini bergantung kepada pemilihan ke atas kata kerja matrik yang muncul dalam ayat tersebut. Kata kerja *seem* misalnya, adalah kata kerja penaikan manakala kata kerja *try* pula adalah kata kerja kawalan. Sebenarnya terdapat kecenderungan semantik berkenaan jenis kata kerja, sama ada suatu kata kerja itu adalah kata kerja penaikan atau kawalan. Lazimnya kata kerja penaikan mengungkapkan modaliti epistemik yang berkaitan dengan kemungkinan, kebarangkalian dan keperluan. Beberapa contoh kata kerja penaikan dalam bahasa Inggeris misalnya, *tend*, *suppose*, *appear*, *believe*, *expect*, *promise* dan *persist*. Kata kerja kawalan pula lazimnya mengungkapkan modaliti deontik yang berkaitan dengan kebenaran, permintaan, harapan dan kewajipan. Beberapa contoh kata kerja kawalan dalam bahasa Inggeris misalnya *wish*, *hope*, *make*, *get*, *require*, *prefer*, *try*, *desire*, *persuade*, *permit* dan *want*. Perbezaan di antara analisis penaikan dengan kawalan boleh dirumuskan seperti Jadual 1.

Jadual 1. Perbezaan analisis penaikan dan kawalan

	Penaikan	Kawalan
Struktur	FD _i KK _{penaikan} [<i>t_i ...</i>]	FD _i KK _{kawalan} [PRO _i ...]
Klausa subjek matrik dijanadasar	klausa pancangan	klausa matrik
Perpindahan FD	Ya	Tidak
PRO	Tidak	Ya

Contoh-contoh yang dibincangkan sebelum ini melibatkan subjek. Contohnya, FD berpindah dari subjek klausa pancangan ke posisi subjek klausa matrik dalam konstruksi penaikan, dan PRO dikawal oleh subjek matrik dalam konstruksi kawalan. Selain daripada penaikan subjek ke subjek (*subject-to-subject raising*) dan kawalan subjek (*subject*

³ Menurut Chomsky (1982), PRO adalah FD yang berfitur [+anafor, +ganti nama], iaitu satu unsur yang rujukannya wajib ditetapkan oleh unsur lain dalam ayat. Dalam contoh (6) misalnya, rujukan PRO mesti disamakan dengan FD *Barnett*. Dengan kata lain, FD *Barnet* adalah anteseden PRO. Terdapat juga PRO yang bersifat arbitrari, iaitu PRO yang tidak jelas identitinya atau tidak spesifik antesedennya, contohnya dalam ayat: [*PRO merokok*] *membahayakan kesihatan*.

control) seperti yang telah dibincangkan dalam contoh (5) dan (6), konstruksi penaikan dan kawalan juga masing-masing boleh terdiri daripada penaikan subjek ke objek (*subject-to-object raising*) dan kawalan objek (*object control*).⁴ Contoh (7) dan (8) yang berikut, disesuaikan daripada Davies dan Dubinsky (2004), menunjukkan konstruksi penaikan subjek ke objek dan kawalan objek.

(7) Konstruksi Penaikan Subjek ke Objek

Barnett believed the doctor_i [_{t_i} to have examined Tilman].

↑
‘Barnett percaya doktor itu telah memeriksa Tilman.’

(8) Konstruksi Kawalan Objek

Barnett persuaded the doctor_i [PRO_i to examine Tilman].

‘Barnett memujuk doktor itu untuk memeriksa Tilman.’

Dalam contoh (7), FD *the doctor* yang pada asalnya adalah subjek dalam klausa pancangan, terlibat dalam penaikan ke posisi objek kata kerja *believe* dalam klausa matrik. Dalam contoh (8) pula, FD *the doctor* yang mengawal PRO dalam klausa pancangan adalah objek kepada kata kerja matrik *persuade*. Dalam perbincangan di bawah, kami tidak membincangkan penaikan dan kawalan yang melibatkan objek dan menumpukan pada jenis yang melibatkan subjek sahaja.

Daripada perbincangan dalam bahagian ini, didapati bahawa konstruksi penaikan dan kawalan nampak seakan sama tetapi analisis sintaksisnya adalah berbeza seperti yang dirumuskan dalam Jadual 1. Persoalan yang pasti timbul ialah mengapakah kedua-dua konstruksi ini harus dibezakan dan diberi analisis yang berlainan? Perbincangan dalam bahagian 3 yang selanjutnya, akan mengemukakan perbezaan aspek sintaksis dan semantik yang wujud dalam kedua-dua konstruksi ini. Ciri-ciri empiris yang akan dibincangkan dalam bahagian 3 inilah yang menjustifikasikan analisis yang telah diperkenalkan dalam bahagian 2 ini.

3. Perbezaan Ciri-ciri Sintaksis dan Semantik Konstruksi Penaikan dan Kawalan

Ciri-ciri sintaksis dan semantik yang mendasari pembezaan dalam konstruksi penaikan dan konstruksi kawalan terdiri daripada empat aspek yang berikut: (i) struktur argumen kata kerja, (ii) kehadiran unsur pleonastik, (iii) sekatan pemilihan ke atas subjek atau objek dan (iv) ungkapan idiomatik. Keempat-empat aspek tersebut boleh digunakan untuk mengenal pasti sama ada suatu konstruksi itu merupakan konstruksi penaikan atau konstruksi kawalan. Aspek-aspek tersebut dibincangkan satu persatu di bawah.

3.1 Struktur Argumen Kata Kerja

Aspek perbezaan yang pertama, antara konstruksi penaikan dan kawalan, dapat dilihat menerusi struktur argumen kata kerja. Struktur argumen kata kerja ialah struktur yang memberikan maklumat tentang bilangan arguman yang hadir bersama suatu predikat atau

⁴ Konstruksi penaikan subjek ke objek juga dikenali sebagai konstruksi ECM. Nama “ECM” berdasarkan analisis konstruksi tersebut sebagai melibatkan penandaan Kasus yang bersifat kekecualian (*exceptional Case marking*), dan bukannya penaikan. Persoalan analisis yang mana satu yang betul, sama ada analisis penaikan atau analisis penandaan Kasus dengan cara khas, adalah isu yang belum terselesaikan dalam kajian sintaksis sehingga kini.

kata kerja. Sebagai contoh, kata kerja *membaca* lazimnya dikenali sebagai predikat dua tempat kerana struktur argumennya mengandungi dua argumen atau memerlukan dua FD. Sebaliknya kata kerja seperti *tidur* pula dikenali sebagai predikat satu tempat, kerana kata kerja ini memerlukan hanya satu argumen atau satu FD.

Selain daripada bilangan argumen, perkara yang turut terkandung dalam maklumat leksikal sesuatu predikat juga adalah peranan semantik argumennya. Sebagai contoh, dalam kes dua FD argumen bagi kata kerja *membaca*, salah satu FD akan mengungkapkan pihak yang membaca, manakala FD yang satu lagi pula mengungkapkan benda yang dibacanya. Peranan semantik yang relevan bagi sintaksis dikenali sebagai peranan tematik (*thematic role*) atau peranan teta (*θ-role*). Peranan teta ini termasuklah pelaku (*agent*), benda (*theme*), penderita (*patient*), pengalami (*experiencer*), alat (*instrument*), pemanfaat (*beneficiary*) dan lain-lain. Maklumat tentang peranan teta bagi suatu kata kerja boleh dirumuskan dalam rangka teta (*θ-grid*) seperti berikut:

(9) *membaca*

FD	FD
Pelaku	Benda

Rangka teta (9) memberi beberapa maklumat seperti berikut: (i) kata kerja *membaca* mengambil dua argumen; (ii) kedua-dua argumen-argumen tersebut adalah FD; (iii) satu FD berperanan pelaku manakala satu lagi FD berperanan benda; dan (iv) FD yang berperanan pelaku ditetapkan sebagai argumen luar (*external argument*), iaitu argumen yang berada di luar projeksi yang dibentuk oleh kata kerja dan argumen dalam (*internal argument*) ([FD_{Pelaku} [KK FD_{Benda}]]) (maklumat (iv) ini ditunjukkan oleh garis bawah dalam (9)).

Sehubungan dengan itu, konstruksi penaikan dan kawalan adalah berbeza dari segi struktur argumen dan rangka teta. Kata kerja penaikan mengambil satu argumen sahaja manakala kata kerja kawalan pula mengambil dua argumen. Perbezaan ini boleh digambarkan menerusi rangka teta dalam (10a) dan (10b) yang berikut.

(10)a. *seem* (kata kerja penaikan)

FKomp/FKala
Proposisi

b. *try* (kata kerja kawalan)

FD	FKomp
Pelaku	Proposisi

c. ↓ ↓
subjek matrik klausa pancangan

Berdasarkan contoh (10), kedua-dua jenis kata kerja tersebut mengambil argumen dalam yang berperanan proposisi (*proposition*). Walau bagaimanapun, kata kerja yang mengambil argumen pelaku hanyalah kata kerja kawalan sahaja. Bagi kata kerja kawalan *try* misalnya, wujud pihak yang melakukan sesuatu perbuatan secara aktif. Pihak yang serupa tidak wujud bagi kata kerja penaikan *seem*, kerana kata kerja tersebut hanya menyampaikan makna ketidakpastian sesuatu proposisi, dan bukannya menunjukkan perbuatan yang dilakukan secara aktif. Ayat contoh (3) *Barnett seemed to understand the formula*, misalnya, tidak mengemukakan proposisi [Barnett memahami formula itu] sebagai fakta. Sebaliknya ia menyampaikan dugaan penutur mengenai proposisi tersebut.

Dengan kata lain, frasa kerja *seem P* boleh diparafrasakan sebagai “penutur tidak pasti sama ada *P* atau sebaliknya, tetapi berdasarkan bukti-bukti yang dimilikinya dia berfikir kemungkinan *P*.” Ciri semantik inilah yang membawa kepada perbezaan sintaksis di antara kata kerja penaikan dengan kata kerja kawalan.

Garis (10c) pula menunjukkan cara realisasi sintaksis bagi argumen masing-masing di bawah andaian bahawa peranan teta yang sama direalisasi di posisi sintaksis yang sama (di struktur-D), yang dikenali sebagai Hipotesis Keseragaman Pemberian Teta (UTAH; *Uniformity of Theta Assignment Hypothesis*) (Baker 1988). Mengikut (10c), kedua-dua konstruksi mempunyai struktur seperti berikut:

(11)a. _____ seemed [*Barnett* to understand the formula]. (cf. (3))



b. *Barnett* tried [*Barnett* to understand the formula]. (cf. (4))

Bagi konstruksi penaikan (11a), urutan kata dalam ayat yang dilafazkan, iaitu *Barnett seemd to understand the formula* (3), boleh diperolehi melalui perpindahan FD *Barnett* ke posisi subjek matrik yang kosong dalam (11a). Perpindahan ini memang perlu berlaku kerana jika tidak, ayat tersebut akan menjadi tidak gramatis. Terdapat beberapa sebab mengapa FD (*Barneet*) perlu berpindah. Pertama, klausa komplemen tak finit dianggap tidak dibenarkan untuk mempunyai subjek nyata. Hal ini dianalisis sebagai berlaku kerana kepala Kala tak finit seperti *to* tidak dapat memberi Kasus walaupun setiap FD pada prinsipnya mesti diberi Kasus sejajar dengan syarat Tapisan Kasus (*Case Filter*) (Chomsky 1981). Justeru, menerusi perpindahan, FD *Barnett* akan dapat menerima Kasus Nominatif daripada kepala Kala finit di dalam klausa matrik. Sebab kedua adalah berkaitan dengan posisi subjek yang mesti diisi oleh FD (tidak kira FD nyata atau sebaliknya). Syarat ini dikenali sebagai Prinsip Projeksi Tambahan (EPP; *Extended Projection Principle*) (Chomsky 1981). Dengan kata lain, selain memenuhi Tapisan Kasus, perpindahan FD *Barnett* juga membolehkan ayat (11a) menepati Prinsip Projeksi Tambahan ini.

FD *Barneet* dalam konstruksi kawalan (11b) pula mempunyai dua realisasi. Hal ini kerana FD *Barnett* bukan sahaja menjadi pelaku bagi kata kerja matrik *try*, tetapi juga merupakan pelaku bagi kata kerja *understand* dalam klausa pancangan. Walau bagaimanapun, pada lahirnya ayat tersebut mempunyai hanya satu FD yang nyata, iaitu FD dalam klausa matrik: *Barnett tried to understand the formula* (4). Masalah ini boleh diselesaikan dengan mengandaikan kewujudan kategori kosong PRO sebagai ganti FD nyata *Barnett*.⁵ Hal yang sama tidak timbul dalam konstruksi penaikan, kerana jumlah argumen dan jumlah realisasinya pada lahirnya sama dalam konstruksi tersebut. Yang pentingnya, dilema tentang percanggahan jumlah argumen dan jumlah realisasi dalam konstruksi kawalan tidak boleh diselesaikan dengan mengandaikan berlakunya perpindahan. Hal ini adalah disebabkan oleh syarat yang dikenali sebagai Kriteria Teta (*Theta Criterion*) (Chomsky 1981). Mengikut Kriteria Teta, setiap satu FD atau argumen boleh diberikan hanya satu sahaja peranan teta, dan setiap satu peranan teta boleh diberikan kepada hanya satu sahaja argumen. Justeru, sekiranya tiada PRO dan FD *Barnett* berpindah dari klausa pancangan ke klausa matrik seperti mana yang berlaku dengan konstruksi penaikan, Kriteria Teta akan dilanggar, kerana FD tersebut akan menerima dua peranan teta, iaitu satu peranan teta daripada kata kerja dalam klausa pancangan, iaitu *understand*, dan satu lagi peranan teta yang diberikan oleh kata kerja

⁵ PRO dibenarkan hadir di posisi tanpa Kasus (Teorem PRO; *PRO Theorem*). Chomsky dan Lasnik (1993) mengemukakan analisis alternatif bahawa PRO diberi Kasus Kosong (*Null Case*) oleh Kala tak finit.

matrik, iaitu *try*.⁶ Kemunculan PRO di posisi subjek klausa tak finit dalam contoh (11b) membolehkan FD *Barnett* ditandakan peranan tetanya oleh kata kerja *try* dalam klausa matriknya sahaja, manakala peranan teta pelaku dari kata kerja *understand* dalam klausa pancangan pula diberi kepada PRO. Perbezaan dari segi pemberian peranan teta di antara konstruksi penaikan dengan konstruksi kawalan boleh digambarkan seperti berikut:



Berdasarkan contoh-contoh yang telah dibincangkan tadi, dapatlah dirumuskan bahawa kata kerja penaikan dan kawalan masing-masing mempunyai struktur argumen yang berbeza. Perbezaan yang membezakan kedua-dua konstruksi ialah sama ada wujud argumen luar yang biasanya berperanan sebagai pelaku atau pengalami. Kata kerja penaikan, misalnya *seem*, adalah predikat satu tempat yang mempunyai hanya satu argumen, iaitu argumen dalam, sedangkan kata kerja kawalan seperti kata *try* pula mempunyai bukan sahaja argumen dalam tetapi juga argumen luar. Tiga ciri yang dibincangkan seterusnya adalah hasil daripada perbezaan struktur argumen yang dibincangkan dalam bahagian 3.1 ini.

3.2 Pewujudan Unsur Pleonastik

Aspek perbezaan yang kedua dalam konstruksi penaikan dan kawalan, dapat dilihat dari segi pewujudan unsur pleonastik atau pengisi posisi tanpa makna seperti *it* dan *there* dalam bahasa Inggeris. Seperti yang telah disebutkan dalam bahagian 3.1, kata kerja penaikan tidak mempunyai argumen luar. Dengan kata lain, posisi subjek matriknya boleh diisi oleh apa sahaja FD, tanpa mengira jenis peranan tetanya. Justeru, di samping subjek nyata, posisi subjek dalam konstruksi penaikan juga dapat diisi oleh unsur pleonastik seperti yang ditunjukkan dalam contoh (13).

- (13)a. *It* seems to be raining.
 b. *There* seems to be a unicorn in the garden.

(Davies dan Dubinsky 2004: 7)

Selain itu, konstruksi penaikan juga boleh mengambil klausa berkala iaitu klausa yang dikepalai oleh komplementiser *that* sebagai komplementnya, dengan posisi subjek matrik diisi oleh FD pleonastik *it* seperti contoh (14) di bawah.

(14) *It* seemed that Barnett understood the formula. (cf. (3))

⁶ Berdasarkan Kriteria Teta ini, maka timbullah generalisasi bahawa pergerakan FD boleh berlaku dari satu posisi teta ke satu posisi bukan teta.

Walau bagaimanapun, lain halnya dalam konstruksi kawalan. Kata kerja kawalan mengambil argumen luar dan terlibat dalam penandaan peranan teta kepada argumen tersebut. Justeru, subjek bagi kata kerja kawalan mestilah mempunyai kandungan semantik, dan tidak boleh kosong secara semantik seperti unsur pleonastik *it* dan *there*, seperti yang dibuktikan menerusi contoh (15) di bawah.

- (15)a. **It* tries to be raining.
b. **There* tries to be unicorn in the garden.

(Davies dan Dubinsky 2004: 7)

Berbeza daripada kata kerja penaikan, kata kerja kawalan tidak boleh mengambil klausa berkala sebagai komplemennya, seperti yang ditunjukkan dalam contoh (16).

- (16)**It* tried that Barnett understood the formula. (cf. (4))

Contoh dalam (15) dan (16) tidak gramatis, kerana posisi subjek dalam ayat tersebut diisi oleh unsur pleonastik *it* dan *there*.⁷ Dengan kata lain, konstruksi penaikan membenarkan unsur pleonastik *it* dan *there* mengisi posisi subjek matriknya, sebaliknya konstruksi kawalan tidak membenarkan unsur pleonastik menduduki subjek matriknya.

3.3 Sekatan Pemilihan

Aspek perbezaan yang ketiga, dapat dilihat menerusi sekatan pemilihan ke atas subjek. Dalam hal ini, kata kerja kawalan mempunyai sekatan pemilihan terhadap subjeknya. Perhatikan konstruksi kawalan dalam contoh (17).

- (17)He/#The movie tried to scare John.

Kata kerja kawalan *try* dalam contoh di atas dapat mengambil FD *he* yang bernyawa sebagai subjeknya, tetapi ia tidak dapat mengambil FD *the movie*, yang merupakan entiti bukan animat/tidak bernyawa. Hal ini berkaitan dengan sifat peranan teta pelaku yang diberi kepada subjek oleh kata kerja *try*. Pelaku lazimnya merupakan pihak yang memulakan sesuatu perbuatan secara aktif. Sifat ini dimiliki oleh entiti yang bernyawa, tetapi tidak terdapat dengan entiti yang tidak bernyawa.

Seterusnya, perhatikan pula konstruksi penaikan dalam (18) di bawah, yang mana kata kerja penaikan didapati tidak mempunyai sekatan pemilihan ke atas subjeknya.

⁷ Kontras yang sama juga dapat dilihat di antara konstruksi penaikan dan kawalan yang melibatkan objek. Unsur pleonastik *it* dan *there* hanya boleh hadir dalam ayat penaikan, dan tidak dibenarkan dalam ayat kawalan, seperti yang ditunjukkan dalam contoh (i)–(ii), yang dipetik daripada Davies dan Dubinsky (2004: 8).

- (i) Penaikan subjek ke objek
a. Barnett believes *it* to be raining.
b. Barnett believes *there* to be a unicorn in the garden.
- (ii) Kawalan objek
a. *Barneet persuades *it* to be raining.
b. *Barneet persuades *there* to be a unicorn in the garden.

(18) *He/The movie* seemed to scare John.

Seperti yang telah disebutkan dalam bahagian 3.1, kata kerja penaikan tidak mempunyai argumen luar, maka kata kerja ini tidak terlibat dalam penandaan teta ke atas subjek.⁸ Justeru, entiti bukan animat atau tidak bernyawa, misalnya FD *the movie*, mahupun entiti bernyawa, misalnya *he*, dapat mengisi posisi subjek sintaksis bagi kata kerja penaikan *seem* dalam contoh (18).

3.4 Ungkapan Idiomatik

Akhir sekali, aspek perbezaan antara konstruksi penaikan dan kawalan dapat dilihat dari segi perilaku ungkapan idiomatik atau simpulan bahasa. Salah satu contoh yang lazim dikemukakan oleh para pengkaji termasuklah Davies dan Dubinsky (2004) dan Carnie (2013) ialah ayat yang mengandungi ungkapan idiomatik seperti dalam (19).

(19) *The cat is out of the bag.*

Ayat dalam (19) mempunyai interpretasi idiom dan juga interpretasi literal. FD *the cat* dalam ayat tersebut mewakili makna idiom khas, iaitu 'rahsia'. Keseluruhan ayat (19) dari segi ungkapan idiomatik bermaksud bahawa 'rahsia sudah terbongkar' (secara tidak sengaja). Dari segi makna literal pula, ayat (19) membawa makna bahawa 'kucing itu keluar dari dalam beg itu'.

Berdasarkan contoh ayat (19) ini, dapat dibuat ujian perbandingan antara konstruksi penaikan dan kawalan, sama ada kedua-dua konstruksi ini dapat mengekalkan makna idiomnya atau sebaliknya. Perhatikan contoh (20) dan (21). Dalam konstruksi penaikan, kedua-dua makna idiom dan literal adalah kekal, manakala dalam konstruksi kawalan, makna idiom didapati hilang di samping mengekalkan makna literal.

(20) Konstruksi Penaikan

The cat seemed to be out of the bag.

(i) 'Rupa-rupanya rahsia sudah terbongkar.' (makna idiom)

(ii) 'Rupa-rupanya kucing itu sudah keluar dari dalam beg itu.' (makna literal)

(21) Konstruksi Kawalan

*The cat agreed/hoped to be out of the bag.*⁹

(i) *'Rahsia bersetuju/berharap untuk terbongkar.' (makna idiom)

(ii) ?'Kucing itu bersetuju/berharap keluar dari dalam beg itu.' (makna literal)

Perbezaan dari segi ungkapan idiomatik ini juga berkaitan dengan struktur argumen kata kerja penaikan dan kawalan. FD yang terdapat dalam ungkapan idiomatik mempunyai makna khas tersendiri, yang lain daripada makna biasa. Jika makna FD tersebut berubah hasil menerima peranan teta daripada kata kerja, maka makna idiom pun akan hilang. Makna idiom dikekalkan dalam konstruksi penaikan kerana kata kerja

⁸ Subjek *he* dan *the movie* mendapat peranan teta daripada kata kerja *scare* dalam klausa pancangan, sebelum ia berpindah keluar ke posisi subjek dalam klausa matrik.

⁹ Ayat ini janggal dalam kedua-dua interpretasi. Hal ini kerana makna yang disampaikan oleh ayat tersebut bertentangan dengan situasi sebenar, yang mana rahsia dan haiwan kucing ditafsirkan tidak mempunyai sifat bersetuju atau berharap, sebagaimana sifat yang ada pada manusia. Dengan kata lain, kejanggalan tersebut bersifat pragmatik (= penggunaan bahasa dalam situasi sebenar) dan bukannya disebabkan bahasa sendiri.

penaikan seperti *seem* tidak mempunyai argumen luar, dan oleh yang demikian maka subjek matrik tidak menerima apa-apa peranan teta. Oleh itu, FD *the cat* yang berpindah naik dari klausa pancangan tidak dipengaruhi langsung dan boleh mengekalkan makna idiom, apabila FD tersebut terpisah daripada rentetan idiom (*be out of the bag*). Sebaliknya, kata kerja kawalan seperti *agree* dan *hope* mengambil argumen luar dan memberi peranan teta kepada argumen yang diambilnya. Akibatnya, FD *the cat* diproses sebagai dijanadasar di posisi subjek matrik, terpisah dari rentetan idiom yang selebihnya. Dengan itu, FD *the cat* tidak dapat ditafsirkan bersama dengan frasa *be out of the bag*, dan tafsirannya pun ditentukan keseluruhan oleh peranan teta kata kerja kawalan.

Berdasarkan perbincangan dalam bahagian 3 ini, dapatlah dirumuskan bahawa konstruksi penaikan dan kawalan mempunyai perbezaan perilaku sintaksis dan semantik masing-masing, yang dapat dilihat dari segi struktur argumen kata kerja, pewujudan unsur pleonastik, sekatan pemilihan ke atas subjek dan juga dari segi ungkapan idiomatik. Perbincangan dalam bahagian yang seterusnya akan meneliti kewujudan kedua-dua konstruksi ini dalam konteks sintaksis bahasa Melayu.

4. Konstruksi Penaikan dan Kawalan dalam Sintaksis Bahasa Melayu

Bahagian ini membincangkan secara khusus tentang kewujudan konstruksi penaikan dan kawalan dalam sintaksis bahasa Melayu. Perbincangan dalam bahagian 4 ini akan menjelaskan kewujudan konstruksi penaikan dan kawalan dalam bahasa Melayu, dengan meneliti perilaku sintaksis dan semantik kedua-dua konstruksi ini dari segi (i) struktur argumen kata kerja, (ii) kewujudan unsur pleonastik, (iii) sekatan pemilihan dan (iv) ungkapan idiomatik.

Contoh dalam (22) dan (23) yang berikut dipetik semula daripada contoh (2a) dan (2b). Kami mendakwa contoh-contoh ini masing-masing menunjukkan kewujudan konstruksi penaikan dan kawalan dalam sintaksis bahasa Melayu dan dianalisis seperti mana yang ditunjukkan dalam (22b) dan (23b).

(22) Konstruksi Penaikan

- a. Aminah kelihatan menyukai bola sepak.
- b. Aminah_i kelihatan [t_i menyukai bola sepak].



(23) Konstruksi Kawalan

- a. Aminah (men-)cuba menyukai bola sepak.
- b. Aminah_i (men-)cuba [PRO_i menyukai bola sepak].

Kata kerja *kelihatan* dalam contoh (22) merupakan kata kerja penaikan dalam bahasa Melayu. Dari segi struktur argumennya, kata kerja *kelihatan* mempunyai hanya satu argumen iaitu argumen proposisi yang direalisasikan sebagai klausa pancangan: [(*Aminah*) menyukai bola sepak]. Dalam struktur-D, subjek nyata, iaitu FD *Aminah*, berada dalam klausa pancangan, manakala posisi subjek bagi kata kerja *kelihatan* pula tidak mengandungi apa-apa FD. Sejajar dengan Prinsip Projeksi Tambahan (EPP) sebagaimana yang dikemukakan dalam bahagian 3.1, setiap klausa mesti mempunyai subjek. Justeru, FD *Aminah* dalam klausa pancangan mengalami penaikan ke posisi subjek kata kerja *kelihatan* dan meninggalkan tikas (*t_i*) di posisi asalnya, seperti dalam (22b).¹⁰ Penaikan ini

¹⁰ EPP juga ditepati menerusi penyisipan FD pleonastik, seperti yang dibincangkan di bawah.

merupakan penaikan subjek ke subjek. Dari segi penandaan teta, kata kerja *kelihatan* tidak terlibat dalam pemberian peranan teta kepada FD *Aminah*. Peranan teta bagi FD *Aminah* diberikan oleh predikatnya di dalam klausa pancangannya sahaja.

Kata kerja (*men-*)*cuba* dalam contoh (23) pula merupakan kata kerja kawalan dalam bahasa Melayu. Kata kerja ini mengambil argumen luar dan memberi peranan teta agen kepadanya. Dalam contoh (23), argumen berkenaan ialah FD *Aminah*. FD *Aminah* dijanadasar di posisi subjek matrik, dan bukannya dalam klausa pancangan. Justeru, subjek yang berada dalam klausa pancangan adalah tidak nyata, iaitu PRO. PRO diberi peranan teta oleh kata kerja *menyukai* dalam klausa pancangan tersebut. Dari segi penandaan Kasus, PRO tidak memerlukan Kasus (lihat nota kaki 5). Hal ini dibuktikan dalam contoh (24), yang mana FD nyata misalnya FD *Aminah* atau kata ganti nama *dia* mahupun kata ganti nama refleksif *dirinya*, tidak gramatis sekiranya menduduki posisi subjek dalam klausa pancangan. Dengan kata lain, posisi subjek dalam klausa pancangan sememangnya adalah posisi tanpa Kasus, kerana FD nyata tidak dapat muncul di situ.

(24) *Aminah_i (men-)cuba* [**Aminah_i / *dia_i / *dirinya_i menyukai bola sepak*].

Analisis kami di atas dijustifikasikan dari segi pewujudan unsur pleonastik. Menurut Ramli Hj. Salleh (1995), bahasa Melayu tidak mempunyai unsur pleonastik yang sepadan dengan unsur pleonastik *it* dan *there* dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, kami mendakwa bahawa bahasa Melayu mempunyai unsur pleonastik; cuma unsur tersebut tidak nyata. Kami menggunakan lambang \emptyset_{FD} untuk merujuk kepada unsur pleonastik dalam bahasa Melayu. \emptyset_{FD} muncul dalam konstruksi seperti berikut:

- (25)a. \emptyset_{FD} ada tiga orang lelaki dalam bilik ini.
b. \emptyset_{FD} (adalah) amat sukar untuk mendapati maklumat sebenar tentang negara itu.

Kewujudan \emptyset_{FD} di posisi subjek dibuktikan oleh kenyataan bahawa posisi tersebut juga boleh diisi oleh FD nyata yang ada dalam ayat sama menerusi perpindahan FD.

- (26)a. *Tiga orang lelaki* ada *t* dalam bilik ini.
b. *Maklumat sebenar tentang negara itu* (adalah) amat sukar untuk didapati *t*.¹¹

Konstruksi yang kami analisis sebagai kawalan dan penaikan dalam bahasa Melayu memperlihatkan perilaku yang berbeza dari segi unsur pleonastik. Justeru, berdasarkan contoh (27) di bawah, posisi subjek kepada kata kerja penaikan *kelihatan* boleh diisi dengan unsur pleonastik, yang tiada realisasi fonetik mahupun makna. Dengan kata lain, kata kerja *kelihatan* tidak mengambil argumen luar dan tidak memberi peranan teta kepada subjeknya, iaitu satu ciri kata kerja penaikan. Sebaliknya konstruksi kawalan dalam (28) pula, tidak gramatis oleh sebab subjek kepada kata kerja kawalan *mencuba* tidak dapat diduduki oleh unsur pleonastik yang tiada realisasi fonetik mahupun makna. Dengan kata lain, kata kerja (*men-*)*cuba* mengambil argumen luar yang mempunyai peranan teta tertentu dan maka itu, ia memberi peranan teta kepada subjeknya, iaitu satu ciri kata kerja kawalan.

¹¹ Bentuk kata kerja berubah kepada bentuk pasif dengan awalan *di-* (*didapati*). Perubahan ragam ini berlaku kerana dalam bahasa Melayu perpindahan FD tidak dibenarkan berlaku melangkaui awalan *meN-* (Saddy 1998; Soh 1998; Cole dan Hermon 1998).

(27) Konstruksi Penaikan

\emptyset_{FD} kelihatan (bahawa) Aminah menyukai bola sepak.

(28) Konstruksi Kawalan

* \emptyset_{FD} (men-)cuba (supaya) Aminah menyukai bola sepak.

Analisis kami juga dijustifikasikan dari aspek sekatan pemilihan. Kata kerja *kelihatan*, yang kami analisis sebagai kata kerja penaikan dalam bahasa Melayu, tidak mempunyai sekatan pemilihan yang tertentu ke atas subjeknya. Sebaliknya kata kerja *berharap*, yang kami analisis sebagai kata kerja kawalan, didapati mempunyai sekatan pemilihan ke atas subjeknya. Perhatikan contoh (29) dan (30).

(29) Konstruksi Penaikan

Batu itu_i kelihatan [t_i menjadi zamrud].

(30) Konstruksi Kawalan

#Batu itu_i berharap [PRO_i menjadi zamrud].

Dalam konstruksi penaikan (29), kewujudan entiti tidak bernyawa, iaitu *batu itu*, sebagai subjek dalam klausa matrik tidak menimbulkan apa-apa masalah dari segi kebolehterimaan ayat tersebut. Sebaliknya bagi konstruksi kawalan (30) pula, ayat ini tidak dapat diterima dari segi semantikanya oleh sebab kehadiran FD subjek *batu itu* yang merupakan entiti tidak bernyawa. Dengan kata lain, kata kerja *berharap* mengenakan sekatan pemilihan terhadap subjeknya, yang mana membuktikan statusnya sebagai kata kerja kawalan.

Seterusnya dari segi ungkapan idiomatik, konstruksi yang kami anggap sebagai penaikan dan kawalan dalam bahasa Melayu turut memperlihatkan pola ketaksaan yang serupa dengan konstruksi penaikan dan kawalan yang terdapat dalam bahasa Inggeris. Dua ungkapan idiomatik dalam (31) telah dipilih daripada *Kamus Dewan Edisi Keempat* untuk tujuan meneliti perilaku kedua-dua konstruksi tersebut.

(31)a. Nasi sudah menjadi bubur.

Makna idiom: 'Hal/perkara yang sudah terlambat untuk diperbaiki.'

b. Kelip-kelip terbang malam.

Makna idiom: 'Rahsia yang sudah diketahui orang.'

Di samping makna idiom, kedua-dua ungkapan di atas juga memiliki makna literal, yang masing-masing adalah pernyataan mengenai sejenis makanan (nasi) dan sejenis serangga (kelip-kelip). Ketaksaan sedemikian dikekalkan apabila ungkapan tersebut diletakkan di dalam konstruksi yang kami analisis sebagai penaikan seperti yang ditunjukkan dalam (32).

(32) Konstruksi Penaikan

Nasi_i kelihatan [t_i sudah menjadi bubur].

(i) 'Rupa-rupanya nasi tersalah masak sehingga menjadi bubur.' (makna literal; *nasi* = sejenis makanan)

(ii) 'Rupa-rupanya sesuatu hal/perkara sudah terlambat untuk diperbaiki.' (makna idiom; *nasi* = hal/perkara)

Sebaliknya, dalam konstruksi yang kami analisis sebagai kawalan, ungkapan idiomatik hilang makna idiomnya, seperti yang ditunjukkan dalam (33).

(33) Konstruksi Kawalan

Kelip-kelip_i berharap [PRO_i terbang malam].

- (i) ‘Kelip-kelip mempunyai harapan ia ingin terbang pada waktu malam.’ (makna literal; *kelip-kelip* = sejenis serangga)
- (ii) *?‘Rahsia berharap hendak diketahui orang.’ (makna idiom; *kelip-kelip* = rahsia)

Keseluruhannya, perbincangan dalam bahagian ini telah menunjukkan kewujudan konstruksi kawalan dan penaikan dalam sintaksis bahasa Melayu. Perbincangan juga telah menunjukkan perbezaan perilaku sintaksis dan semantik kedua-dua konstruksi, seperti yang dikemukakan dalam analisis standard kerangka generatif (cf. bahagian 3). Perbincangan dalam bahagian 5 yang berikut akan memperkenalkan sejenis konstruksi yang dikenali sebagai kawalan lucu (*funny control*), yang unik dalam bahasa Melayu.

5. Konstruksi Kawalan Lucu

Dalam bahasa Melayu (termasuk bahasa Indonesia), terdapat satu konstruksi yang dikenali sebagai konstruksi kawalan lucu (Nomoto 2013). Konstruksi ini mengandungi kata kerja tertentu, termasuklah *cuba* dan *mahu*, sebagaimana yang terdapat dalam konstruksi kawalan yang telah dibincangkan sebelum ini. Walau bagaimanapun, konstruksi kawalan lucu ini adalah unik kerana ia menimbulkan ketaksaan yang tidak terdapat pada konstruksi kawalan biasa. Fenomena ini dinamakan fenomena kawalan lucu oleh Gil (2002) kerana makna yang didapati berdasarkan mekanisme kawalan biasa membawa makna lucu, yang seolah-olah tidak masuk akal dalam situasi sebenar. Perhatikan contoh (34) di bawah yang mengandungi (i) tafsiran kawalan biasa dan (ii) tafsiran bersilang. Sekiranya ayat (34) ini dianalisis sebagai konstruksi kawalan biasa dengan struktur yang ditunjukkan seperti dalam (35), hanya tafsiran (i) sahaja yang akan muncul. Namun begitu, pada hakikatnya, tafsiran yang lebih lazim bagi kebanyakan penutur ialah tafsiran (ii).

(34) Mat Rempit itu cuba [ditangkap polis].¹²

- (i) Tafsiran kawalan biasa
‘Mat Rempit itu cuba untuk ditangkap oleh polis.’
- (ii) Tafsiran bersilang
‘Polis cuba menangkap Mat Rempit itu.’

(Nomoto 2013: 64)

(35) Mat Rempit itu_i cuba [PRO_i ditangkap polis].

Kedua-dua tafsiran (34i) dan (34ii) berbeza dari segi FD yang diberi peranan teta pelaku (makna pihak yang “cuba”) oleh KK matrik *cuba*. Hubungan di antara dua FD tetap sama di antara kedua-dua tafsiran, iaitu polis yang menangkap Mat Rempit (Mat Rempit yang ditangkap polis), dan bukan sebaliknya. Dalam tafsiran kawalan biasa, pihak yang “cuba”

¹² Kemungkinan terdapat pembaca yang tidak menyedari kewujudan tafsiran kawalan biasa. Nomoto (2013) telah membuktikan kewujudannya dengan mengutip banyak contoh penggunaan sebenar di nama ayat kawalan lucu mesti diberi tafsiran kawalan biasa.

ialah Mat Rempit itu, atau dengan kata lain, Mat Rempit itu yang “cuba” agar dirinya ditangkap oleh polis. Berdasarkan tafsiran bersilang pula, pihak yang “cuba” ialah polis, iaitu pihak polis yang “cuba” menangkap Mat Rempit itu. Dengan kata lain, fenomena kawalan lucu muncul dalam konstruksi yang kata kerja dalam klausa matriknya (contohnya kata kerja *cuba*) berasosiasi dengan sama ada argumen dalam (*Mat Rempit itu* dalam (34)) atau argumen luar (*polis* dalam (34)) bagi kata kerja pasif (*ditangkap* dalam (34)) dalam klausa pancangan.

Dalam konstruksi kawalan lucu ini, kata kerja dalam klausa pancangan mestilah kata kerja ragam pasif. Jika ragam kata kerja itu adalah aktif, maka ketaksaan tidak muncul. Bandingkan contoh (36) yang klausa pancangannya mengandungi kata kerja beragam aktif, iaitu *menangkap*, dengan contoh (34) yang mengandungi kata kerja beragam pasif, iaitu *ditangkap*.

(36) Mat Rempit itu cuba [menangkap polis].

- (i) Tafsiran kawalan biasa
‘Mat Rempit itu cuba untuk menangkap polis.’
- (ii) Tafsiran bersilang
*‘Polis cuba untuk ditangkap Mat Rempit itu.’

Fenomena kawalan lucu hanya muncul bagi predikat yang tertentu sahaja, sebagaimana dalam konstruksi penaikan dan kawalan yang berdasarkan kata kerja tertentu seperti *kelihatan* (penaikan) dan *berharap* (kawalan). Sehubungan itu, predikat yang terlibat dalam konstruksi kawalan lucu tidak menerima awalan *meN-*. Hal ini dibuktikan menerusi ayat (37), di mana kata kerja *cuba* dalam contoh (34) ditukar kepada kata kerja *mencuba*, dan oleh itu fenomena kawalan lucu ini tidak berlaku. Justeru, ayat dalam (37) hanya memiliki tafsiran kawalan biasa, dan tidak mempunyai tafsiran bersilang. Hal ini menunjukkan bahawa ayat tersebut merupakan konstruksi kawalan biasa dengan struktur seperti (35), dan bukannya konstruksi kawalan lucu.


(37) Mat Rempit itu mencuba [ditangkap polis].

- (i) Tafsiran kawalan biasa
‘Mat Rempit itu cuba untuk ditangkap oleh polis.’
- (ii) Tafsiran bersilang
*‘Polis cuba menangkap Mat Rempit itu.’

Perbezaan di antara kata kerja *cuba* dan *mencuba* seperti ini jelas menunjukkan bahawa awalan *meN-* harus dipertimbangkan secara serius dalam sebarang analisis mengenai konstruksi kawalan lucu atau fenomena kawalan lucu yang berpadanya.

Dengan adanya konstruksi unik seperti ini, timbul persoalan tentang (i) bagaimanakah tafsiran bersilang muncul dalam konstruski kawalan lucu? dan (ii) mengapakah ayat seperti (34) tersebut menjadi taksa? Nomoto (2013) telah mengutarakan satu analisis yang dapat menjawab kedua-dua persoalan ini. Menurut analisis tersebut, predikat yang terlibat dalam konstruksi kawalan lucu mengambil frasa kerja kecil (Fk), iaitu klausa yang lebih sederhana daripada FKomp dan FKala. Dalam derivasi ayat pasif, terdapat satu ketika di mana kedua-dua argumen luar (pelaku) dan argumen dalam (benda) menduduki posisi Spek,Fk. Apabila kata kerja seperti *cuba* digabung, ia boleh memberi peranan tetanya kepada mana-mana FD yang ada di Spek,Fk tersebut. Justeru, ayat

kawalan lucu menjadi taksa dari segi penerima peranan teta pelaku atau pihak yang “cuba.” Analisis ini boleh digambarkan seperti berikut:



Untuk perbincangan lanjut mengenai fenomena kawalan lucu dan analisis kawalan lucu dalam bahasa Melayu, lihat Nomoto (2013) dan Nomoto dan Kartini (2011; 2012).¹³

Berdasarkan paparan ringkas dalam bahagian ini, dapat disimpulkan bahawa konstruksi kawalan lucu dalam bahasa Melayu, walaupun pada mulanya nampak seperti konstruksi kawalan, namun dari segi perilaku semantik dan sintaksisnya ternyata berbeza daripada konstruksi kawalan yang tidak terlibat dalam fenomena kawalan lucu. Sebaliknya, konstruksi kawalan lucu ini menyerupai konstruksi penaikan khususnya dari segi penaikan FD ke posisi subjek atau spek frasa Kala (seperti yang berlaku pada FD *Mat Rempit* dalam (38)).

6. Kesimpulan

Keseluruhannya, perbincangan dalam bab ini telah memperkenalkan dua jenis konstruksi yang dikenali sebagai konstruksi penaikan dan konstruksi kawalan. Kedua-dua konstruksi ini dianalisis sebagai konstruksi yang berbeza dari segi strukturnya, meskipun kedua-duanya mengandungi klausa pancangan tak finit. Perbezaan asas kedua-dua konstruksi ini bertitik tolak daripada jenis kata kerja yang muncul dalam klausa matrik iaitu, kata kerja penaikan dan kata kerja kawalan, yang berbeza dari segi struktur argumen. Perbezaan struktur argumen di antara kedua-dua konstruksi membawa kepada perbezaan perilaku sintaksis dan semantik lain, termasuklah perbezaan dari segi pewujudan unsur pleonastik, sekatan pemilihan dan juga ungkapan idiomatik.

Apabila diteliti dalam konteks sintaksis bahasa Melayu, kedua-dua konstruksi ini didapati wujud dalam ayat-ayat bahasa Melayu. Berdasarkan ciri-ciri asas konstruksi penaikan dan kawalan yang telah dianalisis dalam kerangka generatif, didapati bahawa ayat-ayat bahasa Melayu juga mempunyai ciri-ciri yang sama. Berdasarkan empat kriteria sintaksis dan semantik kedua-dua konstruksi ini, ayat-ayat bahasa Melayu didapati memperlihatkan perilaku yang sama dengan konstruksi penaikan dan kawalan dalam bahasa Inggeris. Hal ini menunjukkan bahawa analisis konstruksi penaikan dan kawalan yang dianjurkan dalam kerangka generatif dapat diterapkan dalam menganalisis pelbagai jenis ayat dalam bahasa Melayu.

Kajian ke atas konstruksi penaikan dan kawalan masih belum meluas dalam bahasa Melayu. Dalam perbincangan ini misalnya, kami tidak membincangkan penaikan dan kawalan yang melibatkan objek. Selain itu, kami juga tidak membincangkan dengan terperinci berkenaan struktur klausa pancangan yang berkaitan konstruksi penaikan dan kawalan. Analisis kawalan lucu oleh Nomoto (2013) telah menunjukkan kepentingan mengenal pasti kategori klausa pancangan, sama ada Fk, FKala, FKomp atau jenis frasa

¹³ Lihat Sato dan Kitada (2012) dan Kurniawan (2013) untuk konstruksi kawalan lucu dalam bahasa Indonesia dan bahasa Sunda. Mereka mencadangkan analisis konstruksi kawalan lucu yang sedikit berbeza daripada analisis yang dibincangkan dalam bab ini.

lain. Selain perbincangan mengenai konstruksi secara umum, adalah penting untuk membicarakan tentang penggolongan predikat dari segi konstruksi. Dalam bahasa Melayu, terdapat sekian banyak predikat, khususnya kata kerja dan kata adjektif. Walau bagaimanapun, predikat yang dibincangkan dalam bab ini hanya menyentuh sebilangan kecil predikat sahaja. Justeru timbul persoalan, apakah jenis predikat yang lain, yang terlibat dalam konstruksi penaikan, kawalan dan kawalan lucu? Sehubungan dengan hal tersebut, Nomoto dan Kartini (2011, 2012) dalam kajian mereka telah mendapati bahawa morfem *kena* terlibat dalam konstruksi kawalan lucu dalam bahasa Melayu (Malaysia), tetapi tidak dalam bahasa Indonesia. Penelitian tersebut menunjukkan bagaimana dua bahasa yang serumpun, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Indonesia, mempunyai ciri yang berbeza dari segi konstruksi kawalan lucu. Diharapkan dengan adanya paparan perbincangan ini, lebih banyak kajian-kajian akan datang dilakukan untuk meneliti dan menghuraikan fenomena sintaksis dan semantik yang berkait dengan konstruksi penaikan dan kawalan, termasuklah konstruksi kawalan lucu dalam bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Baker, Mark C. 1988. *Incorporation: A Theory of Grammatical Function Changing*. Chicago: University of Chicago Press.
- Carnie, Andrew. 2013. *Syntax: A Generative Introduction* (Edisi Ketiga). Oxford: Wiley-Blackwell.
- Chomsky, Noam. 1981. *Lectures on Government and Binding*. Dordrecht: Foris.
- Chomsky, Noam. 1982. *Some Concepts and Consequences of the Theory of Government and Binding*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Chomsky, Noam. 1986. *Barriers*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Chomsky, Noam & Howard Lasnik. 1993. The theory of principles and parameters. Dlm. J. Jacobs, A. von Stechow, W. Sternefeld, & T. Vennemann (peny.) *Syntax: An International Handbook of Contemporary Research*, hlm. 506–569. Berlin: Walter de Gruyter.
- Cole, Peter & Gabriella Hermon. 1998. The typology of *wh*-movement: *Wh*-questions in Malay. *Syntax* 1: 221–258.
- Davies, William D. & Stanley Dubinsky. 2003. Raising (and control). *Glott International* 7(9/10): 230–243.
- Davies, William D. & Stanley Dubinsky. 2004. *The Grammar of Raising and Control: A Course in Syntactic Argumentation*. Oxford: Blackwell.
- Gil, David. 2002. The prefixes *di-* and *N-* in Malay/Indonesian dialects. Dlm. F. Wouk & M. Ross (peny.) *The History and Typology of Western Austronesian Voice Systems*, hlm. 241–283. Canberra: Pacific Linguistics.
- Hornstein, Norbert. 1999. Movement and control. *Linguistic Inquiry* 30: 69–96.
- Hornstein, Norbert. 2001. *Move! A Minimalist Theory of Construal*. Oxford: Blackwell.
- Hornstein, Norbert. 2003. On Control. Dlm. R. Hendrick (peny.) *Minimalist Syntax*, hlm. 6–81. Oxford: Blackwell.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kurniawan, Eri. 2013. *Sundanese Complementation*. Tesis Ph.D, Universiti Iowa.
- Nomoto, Hiroki. 2013. Analisis seragam bagi kawalan lucu. Dlm. H. Nomoto, Anwar R. & Zaharani A. (peny.), *Isamu Shoho: Tinta Kenangan “Kumpulan Esei Bahasa dan Linguistik”*, hlm. 44–91. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nomoto, Hiroki & Kartini Abd. Wahab. 2011. Konstruksi *kena* dalam bahasa Indonesia: Perbandingan dengan bahasa Melayu. *Linguistik Indonesia* 29(2): 111–131.

- Nomoto, Hiroki & Kartini Abd. Wahab. 2012. *Kena* adversative passives in Malay, funny control, and covert voice alternation. *Oceanic Linguistics* 51(2): 360–386.
- Ramli Hj. Salleh. 1995. *Sintaksis Bahasa Melayu: Penerapan Teori Kuasaan dan Tambatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saddy, Douglas. 1991. WH scope mechanism in Bahasa Indonesia. Dlm. L. L. S. Cheng & H. Demirdash (peny.) *MIT Working Papers in Linguistics 15: More Papers on Wh-movement*, hlm. 183–218.
- Sato, Yosuke & Shin-Ichi Kitada. 2012. Successive feature inheritance, θ -features, and the crossed-control construction in Standard Indonesian. <http://ling.auf.net/lingbuzz/001523>.
- Soh, Hooi Ling. 1998. Certain restrictions on A-bar movement in Malay. Dlm. M. Pearson (peny.) *Proceedings of the Third and Fourth Meetings of Austronesian Linguistics Association 1996–1999*, hlm. 295–308. Los Angeles: Department of Linguistics, University of California.